

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) dan Ibu Tunggal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat ini. Daripada jumlah itu, berapakah mereka yang layak menerima bantuan secara “one off” sebanyak RM 300.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) diberi tanggungjawab melaksanakan Bantuan Khas kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dan Ibu Tunggal di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu.

Berdasarkan Sistem Pendaftaran OKU (SMOKU) sehingga Julai 2020 terdapat 567,435 OKU yang berdaftar dengan JKJ. Daripada jumlah tersebut seramai 190,000 OKU layak menerima Bantuan Khas Orang Kurang Upaya PENJANA. Kadar Bantuan Khas ini adalah sebanyak RM300 secara *one-off* (dengan izin).

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM57 juta. Bantuan Khas ini merupakan bantuan bersasar yang dikhususkan kepada penerima bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

Sehingga 5 Ogos 2020, bagi fasa 1, seramai 185,770 orang (97%) telah menerima Bantuan Khas ini dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM55.7 juta. JKJ kini sedang memproses bagi pembayaran fasa 2 kepada seramai 4,230 penerima baru bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2020 dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta. Bayaran telah diterima pada 31 Ogos 2020.

Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) adalah inisiatif baharu kerajaan melalui PENJANA. KPWKM melalui JPW menerima peruntukan sebanyak RM45 juta dan seramai 150 ribu ibu tunggal layak yang akan mendapat manfaat. Sehingga 21 Ogos 2020, sebanyak 108,528 permohonan BKIT telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak 55,200 permohonan telah diproses dan hanya 22,390 permohonan telah diluluskan. Manakala,

selebihnya yang berjumlah 31,968 didapati tidak lengkap. Dalam fasa seterusnya, jumlah permohonan yang akan diproses adalah sebanyak 53,328.

Memandangkan ianya adalah inisiatif baharu, proses permohonan adalah sedikit perlahan kerana banyak permohonan yang diterima kurang lengkap. Permohonan turut dibuka secara dalam talian yang mungkin menyukarkan pemohon untuk melampirkan dokumen yang berkaitan.

Susulan itu, JPW melaksanakan Siri-siri Jelajah BKIT ke daerah-daerah bagi memudahkan ibu tunggal mengemukakan serta melengkapkan permohonan yang terdahulu. Sehingga 17 Ogos 2020, sejumlah 92 program Jelajah BKIT telah dilaksanakan oleh semua Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) yang melibatkan seramai 5,628 orang peserta.

JKM telah mengemukakan senarai sebanyak 30,500 orang ibu tunggal untuk pertimbangan dan kelulusan JPW. Setakat ini terdapat 16,956 senarai nama ibu tunggal yang berdaftar dengan JKM telah diluluskan di dalam kelulusan fasa 1 dengan peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM4.9 juta (RM4,991,400.00). Jumlah selebihnya akan dipertimbangkan dalam fasa seterusnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH SABANI
BINTI MAT**

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil ke arah menambah baik polisi berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak daripada pesalah seksual terhadap kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha memastikan kanak-kanak dilindungi daripada sebarang kesalahan seksual terhadap mereka seperti rogol, sumbang mahram, luar tabii, cabul, amang seksual dan penganiayaan seksual, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah pencegahan, perundangan, intervensi, dan sistem sokongan.

Antara inisiatif terkini untuk menambah baik sistem perlindungan sedia ada adalah seperti berikut:

- (i) Peruntukan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan kanak-kanak mangsa jenayah seksual dilindungi;
- (ii) Penalti-penalti yang berat sehingga 30 tahun hukuman penjara dan hukuman sebat;
- (iii) Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak telah ditubuhkan di Putrajaya pada tahun 2017 dan di Kuching pada tahun 2018 bagi mempercepatkan proses kehakiman bagi kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak;
- (iv) Penyediaan bilik bicara dan bilik saksi yang bersesuaian di semua mahkamah negeri;
- (v) Penambahbaikan modul program-program advokasi dan pencegahan oleh JKM dan LPPKN seperti:
 - a. SAHABAT B.I.J.A.K
 - b. Program PEKERTI@Sekolah dan PEKERTI@PLKN
 - c. Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga)

- (vi) Program kesedaran yang lebih proaktif seperti
 - a. kempen kesedaran mengenai pembuangan bayi dengan kerjasama syarikat swasta
 - b. infografik pemilihan TASKA dimasukkan dalam Buku Kesihatan di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak KKM
 - c. video 'safe touch bad touch' tertumpu kepada kanak-kanak melalui Youtube dengan kerjasama Google;
- (vii) Pengenalan sistem semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam Daftar Kanak-Kanak;
- (viii) Kementerian juga telah mengadakan beberapa sesi perbincangan pada tahun 2019 bersama Kementerian Dalam Negeri, PDRM, Jabatan Imigresen dan Kementerian Luar Negeri berkaitan dengan pembangunan Tatacara Operasi Standard (SOP) bagi memperketatkan kemasukan pesalah jenayah seksual ke dalam negara; dan
- (ix) Semakan semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara dengan kerjasama UNICEF.

Daripada aspek penyelidikan dan kajian lanjut pula, Kerajaan sedang bekerjasama dengan UNICEF untuk mengkaji jenayah seksual terhadap kanak-kanak atas talian melalui projek *Disrupting Harm: Evidence To Understand Online Child Sexual Exploitation And Abuse* dari Ogos 2019 hingga Mac 2021.

Selain itu, Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur juga dilihat sebagai salah satu cara menambah baik polisi berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak daripada pesalah seksual.

Dengan adanya usaha-usaha berterusan ini, diharapkan Kerajaan dapat membendung jenayah seksual terhadap kanak-kanak daripada terus berlaku dan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Ras Adiba Binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah sama ada kadar gaji maksima untuk elaun pekerja cacat akan dinaikkan kerana sedia maklum bahawa kos sara hidup OKU adalah lebih tinggi yang memerlukan perbelanjaan tambahan bagi peralatan dan perkhidmatan sokongan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama semua Jabatan dan Agensi di bawahnya terutama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kini dalam proses meneliti secara terperinci dasar dan program sedia ada yang mempunyai hubung kait dengan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan bersedia membuat penambahbaikan sejajar dengan peningkatan PGK Nasional ini. Kadar PGK baharu Nasional sebanyak RM2,208 sebulan bagi setiap isi rumah.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa PGK 2019 ini akan diguna pakai dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025. Semua kementerian termasuk KPWKM diberi masa lima (5) bulan untuk mengkaji semula dasar berkaitan dengan peranan dan fungsi kementerian.

Proses penelitian ini termasuklah semua program bantuan di bawah KPWKM termasuklah program bantuan kewangan persekutuan di bawah JKJ. Penelitian diambil bagi semua skim bantuan JKJ termasuk pemberian Elaun Pekerja Cacat (EPC) sama ada dari segi syarat kelayakan dan juga kadar elaun yang bersesuaian.

EPC merupakan insentif yang diberikan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) yang bekerja dengan pendapatan RM1,200 ke bawah. Elaun ini bertujuan bagi menggalakkan OKU terus bekerja serta mampu berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif. Sehingga Jun 2020 seramai 84,847 penerima EPC dan sebanyak RM206 juta telah disalurkan kepada OKU yang layak.

Cadangan bagi menaikkan kadar pendapatan maksimum bagi syarat untuk menerima bantuan EPC iaitu di bawah RM1,200 sebulan ke satu kadar yang lebih tinggi dan bersesuaian dengan perubahan semasa akan diangkat kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan.

SOALAN NO. : 48

Kementerian sentiasa prihatin terhadap golongan OKU yang berkeperluan untuk mendapatkan peralatan dan alat sokongan bagi mengembalikan kefungsi sosial dan memudahkan seseorang OKU untuk bergerak terutama bagi OKU yang bekerja. Kementerian melalui JKM menyediakan Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BAT) kepada golongan OKU yang layak dan memerlukan peralatan ini. Pada tahun ini, sehingga bulan Jun 2020 seramai 594 OKU telah menerima BAT dengan peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM1.08 Juta.

Di samping itu, Kerajaan memberi kemudahan dan galakan perlepasan cukai pendapatan sehingga RM6,000 kepada OKU bagi membeli alat-alat khas untuk kegunaan sendiri, anak atau ibu bapa OKU.

Manakala Kementerian Kesihatan melalui Tabung Bantuan Perubatan juga membantu golongan yang kurang berkemampuan termasuk OKU yang layak untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan.